

Rompak serentak

Metro 31/8/12 MS 9.

Penganggur didakwa kebas telefon, rantai emas dua wanita Indonesia

>>Oleh Sarah Zulkifli

sarah@hmetro.com.my

PETALING JAYA: Seorang penganggur dihadapkan di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas dua pertuduhan merompak dua wanita dengan bersenjatakan pisau Rambo, lima hari lalu.

Tertuduh, Faizul Adzha Mohamad, 26, bagaimanapun mengaku tidak bersalah apabila pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Yasmin Abdul Razak.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa merompak seutas rantai emas dan sebuah telefon bimbit milik Siti Mukolifah, warga Indonesia di hadapan rumah bernombor 308, Tingkat 3, Apartmen Makmur, Selangor, pada jam 8.30 malam, 29 Julai lalu.

Selain itu, lelaki itu juga didakwa merompak seutas rantai emas, sebuah telefon bimbit dan sebuah beg tangan tanpa jenama milik seorang lagi mangsa warga Indonesia, Rita, di tempat dan pada waktu yang sama.

Bagi kedua-dua pertuduhan, Faizul Adzha didakwa mengikut Seksyen 392 Kanun Ke-

seksaan dan dibacakan bersama Seksyen 397 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 14 tahun dan denda atau sebatan jika sabit kesalahan.

Yasmin membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 bagi setiap pertuduhan dengan seorang penjamin dan menetapkan 3 September depan untuk tarikh sebutan.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Zhafran Rahim Hamzah manakala tertuduh diwakili peguam Siti Rohaya Mohd Tajudin.

Di mahkamah sama, seorang juruwang mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan pecah amanah membatalkan RM500 di stesen minyak Petronas Bestari Sungai Buloh, di sini, April lalu.

Tertuduh, Mohd Lokman Ibrahim, 28, didakwa melakukan perbuatan itu antara jam 8 malam dan 9 malam pada 6 April lalu.

Bagi kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan penjara maksimum 14 tahun dan sebat atau denda bagi setiap tuduhan, jika sabit kesalahan.